

Aplikasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan Dalam Agihan Zakat Pendidikan Di Zakat Pulau Pinang (ZPP)

The National Blue Ocean Strategy Applications Zakat Education in Zakat Penang (ZPP)

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong*

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

**Corresponding author: jasni@usm.my*

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Among the key thrusts and government policies to enhance the country's productivity competitiveness towards high-income and developed nations is through the national blue ocean strategy or Blue Ocean Strategy. This study is to analyze the application of the national blue ocean strategy in Zakat of Penang (ZPP) in the context of the distribution of zakat education today. The ZPP was chosen as the highest among the highest education zakat in the country in 2017 amounting to RM 31,713,200.41 being 31.78% of the total distribution of RM 99,782,721.01. The question is, how far is the application of the national blue ocean strategy to assist the distribution of zakat education in ZPP and how does the application take place according to current and local conditions? Hence, the objective of this study is to identify the forms of joint ventures carried out with external agencies to strengthen the distribution system in ZPP and to meet the reality of current zakat distribution of education. The methodology of the study was conducted qualitatively by collecting data through library research and field research using unstructured interview methods. Data analysis uses descriptive and comparative methods. Research findings show that there are various joint venture programs in the distribution of zakat education that involve national blue ocean strategies such as the joint program of Penang Development Center, Naza Group, PERDA, State Education Department, KADUN which has a positive impact on the distribution especially education zakat in Penang.

Keywords: Application, Strategy, Blue Ocean, Distribution, Educational Zakat

Abstrak

Antara teras utama dan dasar kerajaan untuk meningkatkan produktiviti daya saing negara ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju adalah melalui strategi lautan biru kebangsaan atau *Blue Ocean Strategy*. Kajian ini bagi menganalisis aplikasi strategi lautan biru kebangsaan di Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam konteks agihan zakat pendidikan masa kini. ZPP dipilih kerana mencatatkan antara agihan zakat pendidikan tertinggi di negara ini pada tahun 2017 berjumlah RM 31,713,200.41 iaitu sebanyak 31.78% daripada agihan keseluruhan sebanyak RM 99,782,721.01. Persoalannya, sejauh mana pengaplikasian strategi lautan biru kebangsaan dalam membantu agihan zakat pendidikan di ZPP dan bagaimanakah pengaplikasian itu berlaku sesuai dengan keadaan semasa dan setempat? Justeru, objektif kajian ini bagi mengenalpasti bentuk-bentuk usaha sama yang dijalankan dengan agensi luar bagi memantapkan lagi sistem agihan di ZPP dan menepati realiti agihan zakat pendidikan masa kini. Metodologi kajian dilakukan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur. Penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Hasil penyelidikan menunjukkan terdapat pelbagai program usahasama yang berlaku dalam agihan zakat pendidikan yang melibatkan strategi lautan biru kebangsaan seperti program bersama Penang Development Centre, Kumpulan Naza, PERDA, Jabatan Pendidikan Negeri, KADUN yang memberi impak positif dalam agihan zakat pendidikan khususnya di negeri Pulau Pinang.

Kata Kunci: Aplikasi, Strategi, Lautan Biru, Agihan, Zakat Pendidikan

1.0 PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang berperanan penting terhadap kehidupan umat Islam di sepanjang sejarah kewujudannya. Ia merupakan suatu bentuk mekanisme ibadat dan produk kewangan Islam yang bermatlamatkan antaranya membersihkan jiwa manusia kerana berkemungkinan terdapat hak orang lain sewaktu proses memperoleh harta tersebut serta membantu mereka yang memerlukan (Hairunnizam Wahid, 2008; Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali, 2012). Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat. Justeru proses yang optimum ini akan memberikan impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada asnaf zakat khususnya malah kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya. Melalui pengagihan zakat secara telus dan komprehensif, asnaf diharapkan bukan sahaja berjaya keluar daripada golongan yang menerima agihan zakat, namun menjadi sebagai penyumbang zakat apabila berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan.

Bagi mencapai maksud tersebut, antara langkah proaktif yang dilakukan oleh institusi zakat adalah merancang strategi baharu tertentu bagi menghasilkan pengagihan zakat yang optimum antaranya mengaplikasikan National Blue Ocean Strategy (NBOS) dalam urusan agihan zakat. Menurut Carnall (1991), perkara yang pasti berlaku untuk setiap organisasi adalah perubahan. Justeru, penggunaan strategi tertentu merupakan salah satu kaedah mengurus perubahan, kerana perubahan sangat penting dalam mencapai kejayaan organisasi. Secara tidak langsung, mengurus perubahan juga merupakan strategi utama agar kita mempunyai matlamat kehidupan yang sentiasa berkehendakkan kepada sesuatu yang lebih baik.

NBOS merupakan revolusi strategi perniagaan dan inisiatif di peringkat global. Ia berupaya mengabungkan kreativiti dan inovasi di dalam perancangan perniagaan bagi menguasai pasaran yang tidak terbatas. Melalui strategi ini, impak masa keuntungan pada hadapan dengan langkah bergerak jauh daripada pendekatan tradisi kepada pendekatan enam prinsip yang ke arah meningkatkan produktiviti dan insentif (Zairah Mairaj, 2013). Oleh yang demikian, melalui NBOS pengagihan dana zakat akan dapat dioptimumkan secara telus dan berkesan melalui beberapa rakan strategik kepada asnaf-asnaf yang berkecukupan (Nuruul Hidayah Mansor, 2014)

Akhirnya asnaf akan menjadi sebahagian daripada guna tenaga yang produktif dan menyumbang kepada masyarakat ekonomi negara. (Nik Mustapha Nik Hassan, 2001; Wan Salim Wan Mohd Noor, 2019). Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran bagi menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima agihan zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan `amil-`amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hambahamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Tawbah, 9 : 60)

Keberkesanan kutipan dan pengagihan zakat amat bergantung kepada pengurusan institusi zakat. Namun begitu aspek pengagihan zakat merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi (Mannan; 2003, Wess; 2002; Hassan & Khan, 2007 dan Wan Salim Wan Mohd Noor, 2019). Institusi zakat yang pro aktif dalam mengagihkan dana zakat akan berupaya mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Oleh yang demikian, bagi mencapai maksud bagi mengoptimumkan pengagihan zakat dengan lebih berkesan, Strategi Lautan Biru Kebangsaan diaplikasikan dalam menambah baik sistem agihan zakat terutamanya dalam bidang zakat pendidikan.

Kebanyakan institusi zakat di Malaysia telah lama memperkenalkan bantuan zakat pendidikan bagi membantu asnaf yang mempunyai masalah untuk mengubah nasib mereka melalui ilmu pengetahuan. Melalui agihan zakat pendidikan, pelbagai bentuk bantuan diagihkan kepada asnaf yang layak dengan menggunakan pelbagai kaedah yang memudahkan, berkesan dan cepat. Sebagai contoh, sebanyak RM 35,545,304.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan pada tahun 2012 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kepada seramai 28,696 orang penerima (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2014). Manakala di negeri Johor, sebanyak RM11,250,000.00 dana zakat pendidikan diberikan kepada 3087 orang pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa dana zakat turut memperuntukkan dana yang sangat besar dalam pendidikan negara (Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), 2014). Selain itu, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah melakukan agihan sebanyak RM 31,713,200.41 untuk zakat pendidikan daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat sebanyak RM 101,454,432.72 pada tahun 2017. Begitu juga institusi-institusi zakat yang lain turut menggunakan kaedah yang tersendiri bagi memastikan bantuan zakat pendidikan sampai kepada asnaf yang memerlukan.

Namun begitu, kaedah pengagihan bantuan zakat terutamanya zakat pendidikan masih tidak dibincangkan secara meluas oleh para pengkaji serta mengakibatkan maklumat ini tidak sampai ke pengetahuan masyarakat terutamanya *muḥakki* (pembayar zakat). Malah, isu keberkesanan dalam agihan zakat juga belum diterokai oleh pengkaji sebelum ini bagi membuktikan wujudnya manfaat yang besar terhadap modal insan. Secara tidak langsung, pembayar zakat akan lebih berkeyakinan untuk terus membayar zakat di institusi formal iaitu institusi zakat negeri (Sanep et. al, 2005). Kajian ini penting untuk mengurangkan persepsi negatif dalam kalangan pembayar zakat yang beranggapan institusi zakat tidak menguruskan zakat dengan telus dan cekap. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengkaji kaedah kerjasama strategik menggunakan penerapan strategi lautan biru kebangsaan dalam aplikasi pengagihan zakat pendidikan di ZPP.

2.0 KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai zakat telah banyak dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek pengurusan zakat seperti aspek kutipan dan pengagihan zakat kepada asnaf. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu golongan asnaf meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat di masa hadapan. Ahmad Hidayat Buang (2000) misalnya telah menggariskan beberapa asas pengurusan zakat yang telah disebut di dalam al-Quran dan hadith. Antaranya berlaku keadilan dalam pungutan zakat, memudahkan pungutan zakat, jumlah dan kaedah bayaran hendaklah jelas dan tepat, harta yang dipungut bukan dari harta yang paling disukai, pihak pengurusan zakat berilmu dan berkelayakan, wujud badan yang mengawasi pengurusan zakat, mempercepatkan agihan, amil

wajib menjalankan tugas dengan tegas serta menggalakan muslim membayar zakat melalui nasihat dan kempen. Kesemua asas-asas pengurusan ini diamalkan oleh institusi-institusi di seluruh negara bagi memastikan pengurusan zakat berjalan dengan baik dan teratur.

Daripada aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan agihan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa penyelidik bagi membantu institusi zakat meningkatkan kualiti dalam pengagihan dana zakat, antaranya seperti kajian yang dijalankan oleh Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman (2015) bahawa pihak institusi zakat perlu memperluaskan promosi berkaitan bentuk-bentuk agihan zakat yang boleh diperoleh oleh para asnaf. Sebagai contoh, bagi bantuan pendidikan berbentuk biasiswa untuk para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti, iklan boleh dimasukkan di akhbar-akhbar perdana seperti dilakukan oleh para penaja yang lain. Syarat yang jelas perlu dimasukkan.

Selain mencari sendiri asnaf zakat, institusi zakat juga turut dicadangkan untuk mengiklankan di pelbagai saluran media mengenai maklumat yang berkat dengan kutipan dan agihan. Kaedah sebegini akan membantu menyebarkan maklumat dengan lebih luas, dan membolehkan mereka yang layak untuk turut memohon dana zakat. Secara tidak langsung, pembayar zakat akan dapat melihat bahawa wang zakat yang mereka keluarkan dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Hal ini sekaligus akan meningkatkan keyakinan mereka untuk terus membayar zakat melalui institusi zakat yang diiktiraf oleh kerajaan (Hairunnizam et al, 2009).

Berdasarkan Manual Pengurusan Agihan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008), menerangkan mengenai pelbagai skim dan bentuk bantuan Pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf seperti skim bantuan pelajaran, skim bantuan am pelajaran/ dermasiswa, skim bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah/menengah, skim bantuan aktiviti dan lawatan sambil belajar. Tujuan skim seperti ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan asnaf supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga sekaligus melahirkan modal insan yang berpendidikan (JAWHAR, 2008).

Di Malaysia, kesemua golongan asnaf kecuali amil dan *riqab* kebanyakannya terdiri daripada pelajar pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi dapat dikategorikan sebagai penerima bantuan zakat bergantung kepada pentafsiran asnaf mengikut negeri masing-masing. Bantuan zakat dari segi pendidikan turut disalurkan kepada golongan asnaf ini bertepatan dengan kehendak hukum syarak yang mementingkan umat Islam supaya gigih menuntut ilmu tidak kira kaya atau miskin. Walaupun terdapat pelbagai cadangan dan inovasi dibuat bagi memastikan agihan zakat sampai kepada asnaf, namun institusi zakat tetap berhadapan dengan isu ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap pengagihan zakat yang dilaksanakan (Muhammad Syukri, 2006; Sanep et. al, 2006; Hairunnizam, Sanep & Radiah 2009; dan Hairunnizam, Sanep & Radiah 2010) termasuk pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad, 2008). Hal ini telah menyebabkan asnaf lebih cenderung memilih pembayaran zakat secara manual atau terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat formal (Sanep et. al, 2006 dan Hairunnizam et. al, 2009) kerana hilang keyakinan terhadap peranan utama institusi zakat di negara ini.

Selain itu juga, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu tentang cabaran pengagihan zakat pendidikan. Antaranya Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014) yang menjalankan kajian tentang peranan dan cabaran zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia. Dalam kajian berkenaan, mereka mengenalpasti skim dan bentuk

bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di seluruh negeri di Malaysia. Seterusnya, menganalisa peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf zakat di Malaysia dan cabaran yang dihadapi pada masa kini. Hasilnya, berdasarkan pemerhatian penyelidik dalam laman sesawang, pamphlet dan brochure Pusat Zakat dan unit baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri di 14 buah negeri di Malaysia, mereka mendapati bahawa kesemua negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam pelbagai mekanisma bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf yang berkelayakan.

Antara cadangan yang dikemukakan adalah pengagihan zakat pendidikan dapat membantu mengatasi masalah keciciran pelajaran serta merupakan elemen pembasmian kemiskinan jangka masa panjang. Terdapat juga cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti antaranya terdapat sebahagian ibu bapa yang tergolong dalam asnaf ini tidak memberi perhatian kepada anak-anak mereka. Mereka sendiri tidak menggalakkan anak-anak supaya berusaha sehingga berjaya dalam pelajaran seterusnya mendapatkan peluang pekerjaan yang baik yang mampu merubah kehidupan mereka. Hal ini penting bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada para asnaf zakat di seluruh Malaysia (Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, 2014).

Di akhir kajian tersebut, dicadangkan beberapa pendekatan atau usaha yang boleh dilakukan oleh institusi zakat sebagai satu inisiatif bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada asnaf zakat di Malaysia. Antaranya adalah institusi zakat perlu ditingkatkan peranan dan skop tugas dengan mengambil pendekatan turun padang atau keluar kepada masyarakat agar mereka yang benar-benar layak sahaja memperoleh dana zakat pendidikan (Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, 2014).

Selain itu juga, kajian yang dijalankan oleh Siti Martiah et al (2014) bertajuk “Bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf: kajian perbandingan antara Negeri Sembilan dan Selangor” memfokuskan memfokuskan kepada bantuan pendidikan yang telah di berikan kepada golongan asnaf. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa bantuan zakat pendidikan turut diberikan kepada asnaf ar-riqab di Negeri Sembilan berbeza dengan di negeri Selangor iaitu kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Walaupun begitu, objektif utama bantuan zakat pendidikan tersebut adalah sama iaitu untuk melahirkan modal insan, memberikan peluang pendidikan buat anak-anak asnaf yang tercicir dan mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan melalui pendidikan yang berterusan.

Impaknya, hasil usaha murni yang dilakukan oleh institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dilihat telah menampakkan hasil apabila bilangan anak-anak fakir dan miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat saban tahun. Sekaligus, ia memberikan gambaran bahawa kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan anak-anak asnaf fakir dan miskin ini menjadi kebanggaan kepada LZS serta pembayar zakat seterusnya mereka menjadi contoh kepada anak asnaf yang lain dalam membuktikan bahawa agihan daripada dana zakat pendidikan dapat melahirkan lebih ramai lagi anak-anak asnaf yang berjaya dan cemerlang dalam pelbagai aspek.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zakaria Bahri (2014) tentang peranan zakat dalam pendidikan masyarakat Islam: ulasan kasus Zakat Pulau Pinang (ZPP). Antara permasalahan yang dikaji dalam kajian tersebut adalah untuk mengenalpasti asnaf yang layak untuk menerima penyaluran dana zakat. Selain itu, pengkaji juga menganalisis bagaimanakah penyaluran dana zakat kepada pendidikan ini dapat dilakukan oleh institusi zakat kepada golongan sasaran iaitu

yang terlibat dengan pendidikan. Terakhir, beliau merumuskan mengenai fungsi kewujudan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan sumbangannya kepada pendidikan di Pulau Pinang. Melalui kajian tersebut, didapati penyaluran zakat untuk tujuan pendidikan ini pada dasarnya adalah melalui *ansaf fi sabilillah*.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan zakat Pulau Pinang dalam memajukan pendidikan masyarakat Islam bukan saja melalui *ansaf fi sabilillah*, tetapi juga melalui melalui *ansaf* yang lain seperti *ansaf* fakir dan miskin, *ghorimin* dan *mualaf*. Oleh kerana itu, kajian ini merumuskan sumbangan zakat yang berkaitan dengan pendidikan diberikan kepada mereka untuk meningkatkan syiar Islam dan mendekati diri kepada Allah SWT, khususnya kepada kegiatan pendidikan melalui pendidikan formal, dakwah, bimbingan agama, latihan, kursus, dan sebagainya. Secara umumnya, kajian tentang penyaluran dana zakat dalam bidang pendidikan masih kurang terutamanya yang membincangkan secara khusus tentang transformasi yang dijalankan aspek agihan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada penyaluran khusus zakat pendidikan dan transformasi yang digunakan dalam mengagihkan dana tersebut kepada *ansaf*.

2.1 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian lapangan berbentuk temu bual dan kaedah dokumentasi secara induktif dan deduktif. Penyelidik menggunakan Zakat Pulau Pinang (ZPP) melalui Unit Pendidikan yang merupakan salah satu unit yang bertanggungjawab dalam penyaluran dana zakat pendidikan sebagai sampel kajian. Data dan maklumat yang diperolehi daripada institusi zakat ini iaitu ZPP adalah meliputi skim dan bantuan zakat pendidikan kepada golongan *ansaf* termasuklah *ansaf* fakir dan miskin, *mualaf*, *fi sabilillah* dan *ibni sabil* melalui sesi temubual bersama pegawai zakat di ZPP dan juga maklumat daripada laman sesawang ZPP, pamphlet dan brochure ZPP.

2.2 Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Blue Ocean Strategy (BOS) atau dalam Bahasa Malaysia disebut sebagai Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan salah satu strategi pengurusan perniagaan yang mulai popular pada awal tahun 2006. Ia merupakan strategi yang diperkenalkan oleh Chan & Renee Mauborgne yang merupakan dua orang profesor strategi dan pengurusan di International Networks for Studies in Technology, Environment, Alternatives, Development (INSTEAD), Perancis. Mereka berdua telah memperkenalkan strategi ini ke seluruh dunia melalui penulisan buku yang bertajuk Blue Ocean Strategy yang diterbitkan pada tahun 2005. Ia merupakan hasil kajian penulis terhadap 150 tindakan strategik oleh lebih 30 industri dalam tempoh 120 tahun (sekitar 1880 – 2000). Di Malaysia, strategi ini mula diambil perhatian oleh mantan Perdana Menteri, Dato Seri Najib bin Abdul Razak terutama dalam bidang perniagaan yang memfokuskan kepada perkongsian pintar dan strategik dalam kalangan usahawan.

Seterusnya, menerusi bidang pendidikan, strategi ini digunakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pengurusan berdasarkan matlamat National Key Result Areas (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara ketiga yang bermatlamat untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Ia adalah bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang Higher Order Thinking Skill seterusnya

memungkinkan lahirnya modal insan yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi bagi memenuhi kriteria pekerja k-ekonomi bertaraf dunia (Munir Abd. Hamid, 2012).

Oleh yang demikian, dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat Strategi Lautan Biru Kebangsaan memberi ruang kepada institusi zakat menjalinkan kerjasama merentasi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi serta pelbagai pihak bagi membolehkan golongan asnaf menikmati manfaat daripada kutipan dana zakat pada setiap tahun daripada kalangan pembayar zakat (Zainal Abidin Jafar, 2017; Mohd Rosdan Mohamad, 2018; Ruslan bin Harun, 2019).

Selain itu juga, ianya bertujuan bagi membolehkan pelbagai peluang baharu dapat diteroka dan diwujudkan bagi meningkatkan potensi agihan zakat dengan lebih proaktif dengan gabungjaln yang tersusun bersama pelbagai agensi terutamanya dalam agihan zakat pendidikan kepada asnaf *fi sabilillah*.

3.0 STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN ZAKAT PULAU PINANG

Umumnya bentuk penyaluran zakat bagi tujuan pendidikan, ZPP telah membahagikan kepada dua bentuk penyaluran iaitu bantuan kepada institusi dan bantuan terus kepada individu yang juga melibatkan kerjasama dengan beberapa agensi dan pihak lain bagi mengoptimumkan agihan zakat pendidikan (Mohd Rosdan Mohamad, 2018; Ruslan bin Harun, 2019).

3.1 Program Bantuan Kepada Institusi

Bentuk bantuan kepada institusi adalah terdiri daripada penyaluran dana zakat kepada institusi-institusi pendidikan seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Tadika Islam (TADIS), Kolej Islam dan Teknologi Antarabangsa (KITAB), Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA), Smart Calips Camp (SCC) dan Kelas Persiapan (Prep Class). Selain itu, pihak ZPP melakukan usahasama dengan institusi swasta iaitu Naza Academy dan PSDC (Penang Skills Development Centre) untuk mengambil anak-anak asnaf yang berkelayakan belajar di kedua-dua institusi ini. Mereka akan diberikan elaun, dibiayai kemudahan asrama serta ditanggung penuh yuran pengajian. ZPP juga mengambil inisiatif menjadikan dua buah institusi agama tahfiz sebagai ‘anak angkat’ iaitu Maahad Tahfiz Benggali yang diberikan bantuan bulanan untuk pengurusan sekolah dan Maahad Tahfiz Darul Ukasya. Selain itu juga, pihak ZPP mewujudkan sebuah institusi kepada anak-anak asnaf terutamanya dalam kalangan anak-anak yatim iaitu Inapan Kasih Sayang yang terletak di Pongsu Seribu, Pulau Pinang.

(a) Usahasama dengan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP)

Bantuan kepada SAR merupakan suntikan dana yang diberikan untuk membiayai gaji guru-guru dan staf pentadbiran di SAR. Penyaluran ini dibuat melalui usahasama dengan Unit Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Jumlah pembiayaan yang akan disalurkan kepada beberapa SAR yang terpilih berdasarkan jumlah yang telah dipersetujui oleh pengurusan tertinggi JAIPP. Oleh itu, pihak ZPP hanya bertanggungjawab menyalurkan bantuan kewangan. Sumbangan yang disalurkan akan digunakan untuk membiayai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi guru-guru SAR. Selain daripada itu, dana tersebut digunakan untuk membiayai kos pengurusan latihan dan kurikulum kepada guru-guru SAR. Ia dilakukan bertujuan

untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan warga pendidik serta pentadbir SAR. Kesemua program ini dikelolakan oleh Unit Pendidikan JAIPP dan pihak ZPP hanya bertanggungjawab membiayai kos bagi menjalankan setiap program yang telah direncanakan oleh pihak ZPP. Di samping itu, pihak ZPP turut menyalurkan bantuan kewangan bagi membiayai ujian-ujian di peringkat negeri kelolaan MAINPP seperti UPKK dan UPSRA. Keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Pulau Pinang tahun 2017 mendapat tempat pertama di peringkat kebangsaan iaitu Seramai 2540 pelajar (41.74%) telah lulus semua mata pelajaran dengan memperolehi agregat 8A daripada 6085 pelajar yang menduduki UPKK pada tahun 2017 (Abdul Malik Abul Kassim, 2018).

Bagi program Taman Asuhan Pendidikan Anak Islam (TADIS) yang terletak di bawah kelolaan dan pemantauan JAIPP, penyaluran dana zakat melibatkan gaji guru, pentadbiran dan peralatan. Setakat ini terdapat sebanyak 30 buah TADIS di seluruh Pulau Pinang Para pelajar SAR yang ingin mengambil ujian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang diuruskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan ke Timur Tengah, terutama di Mesir dan Jordan, juga akan dibiayai oleh ZPP. Namun, proses perjalanan ujian ini akan dilakukan oleh JAIPP. ZPP tidak terlibat secara langsung, namun hanya bertindak sebagai peneraju utama bagi membiayai pelbagai program dan kursus pendek sebelum calon-calon ini mengambil peperiksaan STAM.

Bantuan yang diberikan kepada Kolej Islam dan Teknologi Antarabangsa (KITAB) pula adalah bertujuan bagi membiayai kos pengurusan dan membantu para pelajar yang tidak berkemampuan melalui dana yang disalurkan. Selain daripada itu, ZPP juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada pengurusan organisasi persatuan di luar negara terutama di Mesir dan Jordan. Jumlah minimum pembiayaan yang diberikan adalah sebanyak RM10,000 bertujuan bagi membiayai pelbagai kegiatan sosial mahasiswa di sana. Antara tujuan lain bantuan ini adalah untuk membantu mahasiswa dalam usaha mendapatkan rawatan doktor, kegiatan persatuan terutamanya yang melibatkan kepentingan pelajar ataupun kes-kes darurat, misalnya pembiayaan bagi penghantaran balik mahasiswa jika berlaku keadaan darurat di sesebuah negara tempat mereka belajar.

(b) Kerjasama antara ZPP dan Unit Penyertaan Bumiputra, Lembaga Pengembangan Wilayah Penang (PERDA) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) ini bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada para pelajar Islam yang akan mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari anak-anak asnaf fakir dan miskin. Tujuan program ini adalah untuk membantu para pelajar yang miskin mendapat keputusan yang terbaik. Zakat Pulau Pinang juga mengeluarkan peruntukan yang besar untuk melaksanakan program Skor A dengan kerjasama Unit Penyertaan Bumiputra, Lembaga Pengembangan Wilayah Penang (PERDA) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Program ini melibatkan 68 buah sekolah rendah dan 16 buah sekolah menengah di seluruh negeri Pinang.

Selain program Skor A, terdapat juga Bengkel Teknik Menjawab Soalan dan Bengkel Harapan (bertujuan meningkatkan prestasi daripada gred B ke A). Bagi tujuan mutu dan keberkesanan program-program ini, pengelola yang membuat modul semua pelajaran yang terlibat dalam ujian (1 mata pelajaran mengandungi 25 modul) yang dikoordinasikan oleh Unit Penyertaan Bumiputra, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Mutiara PDCA adalah program terpadu di antara Zakat Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Jabatan

Perdana Menteri dan PERDA. Kesemua calon UPSR, PMR dan SPM yang beragama Islam di Pulau Pinang berpeluang untuk mendapat pendidikan secara tersusun menggunakan 25 modul yang dibuat khusus untuk program ini. Dalam program ini juga, beberapa teknik menjawab soalan peperiksaan akan dijelaskan oleh guru-guru terbaik dari sekolah di Pulau Pinang. Secara umumnya, program ini memberikan kesan yang positif kerana ianya melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri yang berautoriti dalam sistem pendidikan di Pulau Pinang (Mohd Rosdan Mohamad, 2018; Ruslan bin Harun, 2019).

(c) Usahasama Program Bersama Pemimpin Komuniti

Pada tahun 2006, pihak ZPP telah menganjurkan program Prep Class kepada anak-anak asnaf di qariah yang terpilih. Ia merupakan kelas tambahan yang diwujudkan dalam memberikan pendidikan terutama kepada ibu bapa yang tidak dapat mendidik anak-anak mereka untuk melakukan kerja sekolah yang diberikan oleh guru di sekolah. Prep Class ini dibuat di setiap qariah seluruh Pulau Pinang dan tenaga pengajarnya terdiri daripada guru-guru sekolah dan mereka ini dibayar secara bulanan. Tempoh kelas adalah selama 2 jam sehari dan makan minum juga disediakan. Lokasi sasaran bagi program ini umumnya di kawasan flat dan kampung dengan usahasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Kampung (JKKK). Kini program ini melibatkan 35 pusat Prep Class dengan jumlah pelajar sebanyak 1500 orang. Pihak pemimpin setempat hanya perlu menyediakan tempat pembelajaran dan kos yang lain akan dibiayai oleh ZPP.

Smart Caliphs Camp (SCC) adalah salah satu projek agihan zakat yang dibangunkan khusus untuk pembangunan modal insan dikalangan remaja / belia Islam di negeri Pulau Pinang. Nama nama peserta ini akan disyorkan melalui amil atau pengerusi masjid. Sejak diperkenalkan pada Jun 2008, ramai golongan remaja dan belia yang telah mendapat manfaatnya daripada program ini. Menggunakan konsep penyampaian melalui gabungan akademik dan kerohanian Kandungan penyampaian program ini bersifat kontemporari, yang mampu membina karektor sebagai seorang insan mulia dengan penggunaan teknologi multimedia terkini. Keseluruhan program ini adalah untuk membentuk jati diri peserta sebagai pewaris masa depan negara. Lokasi program bertempat di Pusat Latihan Zakat (PULAZA), Balik Pulau (Zakat Pulau Pinang, 2016).

(d) Jaringan Usahasama Antara ZPP Dan Naza Academy Serta PSDC (Penang Skills Development Centre)

Seterusnya, jaringan usahasama dengan institusi swasta iaitu Naza Academy dan PSDC (Penang Skills Development Centre) dipilih sebagai institusi pendidikan yang akan melahirkan anak-anak asnaf dalam bidang kemahiran. Kedua-dua institusi ini dipilih kerana Naza merupakan antara pelopor dalam bidang automotif dan PDSC pula merupakan institusi yang memiliki sejumlah tenaga pemikir dalam pelbagai kemahiran kepada anak-anak asnaf. Melalui program usahasama ini, para pelajar yang terpilih akan diberikan elaun bulanan sebanyak RM 300 dan kos yang lain seperti yuran dan asrama akan ditanggung sepenuhnya oleh ZPP. Menariknya, ZPP juga mengambil lepasan tahfiz yang tidak memiliki sijil peperiksaan awam seperti PT3 dan SPM untuk menyambung pengajian di sini dalam bidang penyenggaraan enjin kenderaan dan cat kereta. Mereka juga akan diberikan latihan praktikal di kilang-kilang terpilih sebelum ditawarkan bekerja di kilang-kilang berkenaan. Secara tidak langsung, matlamat ZPP untuk melahirkan professional huffaz yang akan menjadi pembayar zakat selepas ini akan terlaksana.

(e) Usahasama Dengan Institusi Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

Bagi penyaluran bantuan tetap secara bulanan kepada dua buah tahfiz pula, Maahad Tahfiz Benggali dan Maahad Tahfiz Darul Ukasya telah terpilih dalam program ini. Kedua-dua maahad tahfiz ini sebagai ‘anak angkat’ ZPP diberikan bantuan bulanan sebanyak RM 6,000.00 dan 2,500.00 sebulan. Bantuan ini bertujuan untuk membiayai pengurusan dan infrastruktur kedua-dua institusi tersebut. Untuk anak-anak asnaf yang kehilangan ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali, Inapan Kasih Sayang di Pongsu Seribu, Pulau Pinang adalah sebagai tempat berteduh untuk mereka menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar dengan baik. Pada masa ini, terdapat 91 orang anak-anak asnaf yang terpilih untuk ditempatkan di Inapan Kasih Sayang. Dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Ara Redang dan Sekolah Kebangsaan Kepala Batas menjadi lokasi para pelajar ini bersekolah. Seramai 2 staf tetap dan 13 staf kontrak ditempatkan oleh ZPP di Inapan Kasih Sayang bagi memantau, mengurus dan menjalankan berbagai aktiviti kepada para pelajar. Para pelajar di sini akan diberikan wang saku sebanyak RM 3 ringgit sehari untuk perbelanjaan ke sekolah dan kesemua kos lain seperti pengangkutan akan ditanggung oleh ZPP. Cabaran yang dihadapi adalah hanya satu sahaja tempat sebegini disediakan oleh ZPP namun permintaan di kalangan asnaf adalah terlalu ramai. Secara keseluruhannya, pelbagai bentuk penyaluran dana pendidikan kepada institusi melibatkan beberapa kaedah antaranya diuruskan sendiri oleh ZPP seperti Inapan Kasih Sayang dan Smart Caliphs Camp (SCC) serta program secara kerjasama seperti Mutiara PDCA dan Skor A. Secara rumusnya, penyaluran dana zakat pendidikan ini dapat dilihat pada Jadual 1:

Jadual 1: Program Bantuan Terus Kepada Institusi

| Bil | Jenis Bantuan | Jumlah (RM) | | | |
|-----|--|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
| 1 | Sumbangan kepada SAR | 1,370,000.00 | 2,870,000.00 | 2,870,000.00 | 1,870,000.00 |
| 2 | Sumbangan Maahad Al Mashoor Al Islami | - | 734,960.00 | 857,250.00 | 658,454.00 |
| 3 | Sumbangan TADIS (Elaun guru, konvokesyen, kursus guru, elaun pengasuh dan KWSP) | 431,000.00 | 435,000.00 | 573,000.00 | 575,000.00 |
| 4 | Latihan / Kurikulum Guru SAR | 78,500.00 | - | 60,000.00 | - |
| 5 | Pembiayaan Ujian MAIPP | 50,000.00 | - | 50,000.00 | - |
| 6 | Sumbangan kepada pengurusan KITAB | 1,700,000.00 | 3,000,000.00 | 3,000,000.00 | 3,000,000.00 |
| 7 | Sumbangan kepada kebajikan pelajar luar negara (Mesir, Jordan dan Maghribi) | 56,700.00 | 60,000.00 | 61,335.00 | 55,000.00 |
| 8 | Sumbangan Keperluan @Program Sekolah / Tahfiz / Agensi / Surau dll (Kebanyakannya Sekolah) | 336,357.50 (222 agensi) | 599,976.25 (252 agensi) | 471,857.80 (215 agensi) | 321,144.80 (161 agensi) |

| | | | | | |
|----|--|--|---|---|---|
| 9 | Seminar Pemantapan STAM | 8,000.00 | - | 30,000.00 | - |
| 10 | Program Pendidikan Cemerlang Akademik Mutiara (PDCA) | 1,574,488.20 (878 orang/ agensi) | 1,672,616.18 (1,003 orang/agensi) | 1,904,377.88 (1,037 orang/agensi) | 1,981,242.50 (1,128 orang/agensi) |
| 11 | Kelas Prep | 165,468.70 | 184,966.65 | 173,545.77 | 152,160.73 |
| 12 | Inapan Kasih Sayang | 2,000,000.00 | 1,580,150.00 | 1,637,600.00 | 1,681,500.00 |
| 13 | Smart Caliphs Camp (SCC) | 172,041.25 | 288,748.75 | 318,696.79 | 178,287.59 |
| 14 | Khutbah JAIPP | 50,451.00 | 59,330.00 | 75,620.00 | 71,575.00 |
| 15 | PSDC | 498,770.00 | 1,175,351.00 | 867,962.00 | 1,205,406.00 |
| 16 | Naza Academy | - | 469,160.00 | 653,736.00 | 890,141.36 |
| | JUMLAH | 8,491,775.95 | 13,130,258.83 | 13,604,981.24 | 12,639,911.98 |

3.2 Program Bantuan Terus Kepada Individu

Bentuk ini mencakup program Bantuan persekolah, Bantuan Permulaan Perguruan Tinggi (IPT) dalam negara, Basiswa Kecil Pelajar SAR, Bantuan Permulaan IPT Luar Negara dan program Tajaan Pelajar-pelajar IPT (Mohd Rosdan Mohamad, 2018; Ruslan bin Harun, 2019).

(a) Usahasama ADUN dalam Program Bantuan Kelengkapan Sekolah

Ia bagi membantu anak-anak asnaf memulakan sesi persekolahan dengan pakaian dan kelengkapan baharu. Secara tidak lansung, ianya dapat menyuntik semangat para pelajar dari golongan asnaf fakir dan miskin lebih bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan belajar lebih tekun dalam meningkatkan prestasi pelajaran mereka (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2008). Oleh itu, pihak ZPP mengambil langkah memberikan bantuan tersebut dengan tiga saluran. Pertama, penjaga daripada kalangan waris perlu mengisi borang yang disediakan di setiap cawangan agihan ZPP. Kedua, melalui pemberian pakaian seragam terus melalui pihak sekolah kepada pelajar-pelajar yang layak serta ketiga melalui KADUN dan Parlimen. Bantuan ini akan diberikan dalam bentuk baucer sebanyak RM 150.00 untuk membeli pelbagai keperluan persekolahan di kedai atau pasaraya terpilih seperti Shunshine, Mydin, Sri Menora dan Kamdar. Namun terdapat beberapa cabaran untuk menjalankan skim ini kerana pertamanya terdapat asnaf yang mengambil pakaian seragam melebihi satu saluran dan juga terdapat kes mereka yang bukan asnaf juga didapati menukar baucer untuk ditukar dengan barangan am

(b) Perkongsian Pintar Antara ZPP dan JAIPP dalam Bantuan dan Basiswa

Selain daripada bantuan persekolahan, ZPP juga menyediakan biasiswa kecil kepada pelajar sekolah. Untuk biasiswa kecil ini, hanya dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti Sekolah - Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah MAINPP. Sekolah-sekolah ini tidak mendapat sebarang bantuan daripada pihak kerajaan, oleh itu pelajar-pelajar yang berpotensi akan diberikan biasiswa kecil kepada mereka sehingga mereka tamat pengajian di sekolah terbabit.

Permohonan biasiswa kecil ini boleh dilakukan dengan memohon di JAIPP dan seterusnya pihak JAIPP akan memberikan cadangan nama pelajar yang layak untuk menerima biasiswa berdasarkan pengesahan daripada pihak sekolah. Setakat ini, lebih dari 300 orang pelajar yang telah menerima biasiswa kecil ini. Bermula tahun 2014, pihak ZPP turut menyumbangkan bantuan secara berkala (tahunan) kepada pelajar peringkat ijazah, sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) terutamanya dalam jurusan Pengajian Islam. Permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang e-minhah yang diuruskan oleh pihak JAIPP dan dana akan dikeluarkan oleh pihak ZPP.

Bantuan awal IPT adalah bantuan yang diberikan kepada para asnaf yang berkelayakn untuk melanjutkan pengajian di IPT/S yang terpilih di seluruh Malaysia. Bentuk bantuan secara pemberian sekali sahaja ini diharapkan dapat mengurangkan beban penjaga daripada kalangan asnaf fakir miskin pada tahun pertama pengajian.

Untuk mahasiswa yang mengikuti program diploma, mereka akan diberikan sebanyak RM 800 seorang dan untuk program ijazah pula, bantuan sebanyak RM 1000 akan diberikan melalui pembayaran secara kredit kepada akaun pelajar tersebut. Peningkatan nilai penyaluran dan jumlah penerima bantuan awal IPT dalam negeri semakin meningkat dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 (lihat Jadual 2). Pemberian bantuan ini tidak semestinya kepada mahasiswa yang terdiri dari asnaf fakir dan miskin semata-mata, namun juga kepada mahasiswa selain asnaf ini yang ada kaitan dengan asnaf *fi sabilillah*.

Selain dari bantuan awal pengajian IPT dalam negeri, ZPP juga memberi bantuan awal pengajian IPT luar negeri berdasarkan permohonan yang dibuat kepada ZPP. Kebanyakan siswa ini melanjutkan ke Timur Tengah, khususnya dalam bidang Pengajian Islam. Terdapat juga mahasiswa yang melanjutkan pelajar di negara jiran yang berdekatan seperti Indonesia yang turut diberikan biasiswa Pelajar yang cemerlang boleh memohon untuk mendapatkan biasiswa luar negara yang disediakan oleh ZPP berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan, jumlah saluran dana zakat pendidikan kepada individu adalah seperti Jadual 2:

Jadual 2: Program Bantuan Terus Kepada Individu


| Bil | Jenis Bantuan | Jumlah Penyaluran (RM) | | | |
|-----|---|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
| 1 | Bantuan Awal Persekolahan | 1,789,310.00 (2,438 keluarga) | 4,031,205.80 (5,487 keluarga) | 2,338,040.00 (3,315 keluarga) | 2,621,597.00 (3,909 keluarga) |
| | Bantuan Pakaian Seragam Sekolah (Adun/ Parlimen/ Sekolah) | 2,461,711.00 | 3,512,577.47 | 3,461,083.16 | 2,437,525.53 |
| 2 | Permulaan IPT Dalam Negeri | 4,433,550.00 (5,229 orang) | 5,285,300.00 (6,074 orang) | 4,859,900.00 (5,692 orang) | 4,683,000.00 (5,500 orang) |

| | | | | | |
|----|--|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|------------------------------|
| 3 | Biasiswa Kecil SMAI | 231,000.00 | 244,800.00 | 253,800.00 | 240,600.00 |
| 4 | Bantuan Permulaan IPT (Luar Negara) | 234,500.00 (117 orang) | 344,600.00 (162 orang) | 295,990.00 (162 orang) | 245,873.50 (130 orang) |
| 5 | Saguhati Tenaga Pengajar Kompleks Darul Hidayah dan Unit Ukhuwah-JAIPP | 40,400.00 | 21,200.00 | - | 50,000.00 |
| 6 | Saguhati Guru Agama Sukarela | 472,800.00 | 522,600.00 | 596,400.00 | 213,600.00 |
| 7 | Saguhati Guru Al-Qur'an Sukarela | 1,061,400.00 | 1,114,800.00 | 1,084,200.00 | 1,099,800.00 |
| 8 | Pengajar Kelas Pusat Serenti & Penjara | 45,000.00 | 60,000.00 | 60,000.00 | 45,000.00 |
| 9 | Elaun Tambahan Guru Takmir | 377,075.00 | 557,901.60 | 479,930.00 | 765,792.40 |
| 10 | Bantuan E-Minhah (Diploma) | 275,600.00 (156 orang) | 200,300.00 (132 orang) | 395,000.00 (155 orang) | 500,000.00 (196 orang) |
| 11 | Bantuan E-Minhah (Ijazah Pertama) | 2,102,500.00 (574 orang) | 2,563,000.00 (720 orang) | 4,215,000.00 (880 orang) | 4,714,500.00 (1029 orang) |
| 12 | Bantuan E-Minhah (Sarjana dan PhD) | 52,500.00 (21 orang) | 72,500.00 (28 orang) | 105,000.00 (30 orang) | 140,000.00 (40 orang) |
| 13 | Tajaan Pelajar KITAB | - | 120,000.00 (47 orang) | 114,000.00 (44 orang) | 110,000.00 (44 orang) |
| 14 | Tajaan Pelajar Perubatan JAIPP | 737,500.00 (57 orang) | 1,630,500.00 (50 orang) | 1,181,000.00 (58 orang) | 1,080,000.00 (52 orang) |
| 15 | Tajaan Maahad Lughah Mesir-JAIPP | 20,000.00 (19 orang) | 45,000.00 (14 orang) | 66,000.00 (22 orang) | 126,000.00 (42 orang) |
| | JUMLAH | 14,334,846.00 | 20,326,284.87 | 19,505,343.16 | 19,073,288.43 |
| | JUMLAH INSTITUSI + INDIVIDU | 22,826,621.95 | 33,456,543.70 | 33,110,324.40 | 31,713,200.41 |


3.3 Bantuan Zakat Pendidikan Mengikut Asnaf

Secara umumnya, hasil kerjasama pintar melalui Zakat Pulau Pinang selaku institusi zakat bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta, penyaluran zakat pendidikan dapat dikembangkan dengan pelbagai kaedah secara efektif dan bukannya melalui bantuan *one off* semata-mata. Selain itu, ianya secara tidak lansung mengurangkan kos operasi serta menyelesaikan beberapa kemelut dan dilema yang dihadapi oleh kebanyakan institusi zakat (Ahmad Shahir bin Makhtar & Adibah bt. Abdul Wahab, 2010; Ruslan bin Harun, 2019) seperti kekurangan staf dan masalah pengurusan data. Penyaluran bantuan adalah berbentuk bantuan awal, pengurusan TADIS, SAR dan KITAB, biasiswa kecil SAR, biasiswa pendidikan tinggi, kursus dan latihan guru.

Penyaluran zakat pendidikan melalui asnaf fakir dan miskin terdiri dari bantuan persekolahan, Inapan Kasih Sayang, bantuan seragam, bantuan awal ke IPT dalam mahupun luar negara, biasiswa kecil SAR dan kursus kecemerlangan, pelatihan kewirausahaan, pelatihan seperti SCC dan kelas persiapan belajar (Prep Class). Pelbagai program penyaluran zakat bagi asnaf fakir dan miskin adalah bertujuan untuk memberikan dan menambahkan mutu pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin serta tanggungannya. Perincian dan kerjasama keseluruhan program ini adalah seperti dalam Rajah 1, Rajah 2 dan Jadual 3 seperti berikut:



Rajah 1: Bentuk Penyaluran Zakat Pendidikan ZPP



Rajah 2: Senarai rakan strategik ZPP dalam pengurusan agihan zakat pendidikan

Jadual 3: Kutipan Penyaluran Zakat Pendidikan

| Tahun | Kutipan | Agihan | Agihan Zakat Pendidikan | Bilangan Penerima | Peratus Agihan Kepada Zakat Pendidikan |
|-------|----------------|----------------|-------------------------|-------------------|--|
| 2014 | 82,652,653.92 | 80,098,951.78 | 20,536,739.89 | 8381 | 24.84% |
| 2015 | 92,844,811.96 | 101,374,298.13 | 30,592,363.03 | 12005 | 33.00% |
| 2016 | 96,947,455.11 | 100,962,507.09 | 30,224,241.60 | 10692 | 31.18% |
| 2017 | 101,454,432.72 | 99,782,721.01 | 31,588,282.64 | 10982 | 31.14% |

3.4 Cadangan Penambahbaikan Menghadapi Cabaran Masa Kini

Beberapa cadangan bagi penambahbaikan dan juga usaha dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini menuntut kerjasama dan usaha semua pihak agar peranan sebenar zakat pendidikan dapat dicapai dengan optimum melalui kerjasama strategik lautan biru kebangsaan. Antara cadangan bagi penambahbaikan adalah:

- Peranan institusi zakat perlu ditingkatkan dengan mengambil pendekatan turun padang atau keluar kepada masyarakat dengan meneroka lebih banyak peluang bagi berkabolarasi dengan sektor awam dan swasta.
- Memperbanyakkan hebahan dan info mengenai kerjasama lautan biru kebangsaan di media agar dapat menarik lebih banyak rakan strategik yang akan berminat bagi menyumbang kepakaran dan sumbangan mereka kepada Zakat Pulau Pinang.

4.0 KESIMPULAN

Di akhir kajian ini, terbukti bahawa beberapa usaha yang telah dan sedang giat dijalankan oleh institusi zakat terutamanya Zakat Pulau Pinang dalam melakukan kerjasama NBOS bagi menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf adalah sesuatu perkara yang wajar diteruskan.

Walaupun bagaimanapun, institusi zakat perlu memainkan peranan dengan lebih proaktif dari semasa ke semasa bagi menjamin skim dan bantuan zakat pendidikan ini sampai kepada mereka yang layak menerimanya dan memerlukan mereka memandangkan zakat pendidikan memainkan peranan penting dalam pendidikan asnaf melalui kepelbagaian skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan.

Bibliografi

Ahmad Hidayat Buang (2000), *Pengurusan zakat: satu analisis dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Jurnal Syariah, B(2), 99-102.

- Ahmad Hidayat Buang. (2004). *Dilema Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat*. Prosiding Muszakarab Pakar Zakat, hlm. 193 -200.
- Ahmad Shahir bin Makhtar & Adibah bt. Abdul Wahab (2010) *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010 Akhbar Sinar Harian, 4/4/2012
- Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman (2015), *Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf*. E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015 Isu Kontemporari Agihan Zakat Di Malaysia. Penerbit Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur h. 6-14.
- Anuar Muhammad. (2008). *Perception of academicians Toward zakat administration Particularly zakat distribution: the case of Selangor and Kelantan*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014), *Zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia Peranan dan cabarannya pada masa kini*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)1-2 Disember, 25-30.Malaysia: Kuala Lumpur
- Bernama. Oktober 26. “ Peruntukan Besar Bukti Pendidikan Sandaran Utama Bangunkan Negara”.Diakses daripada <http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=988622>
- Carnell, C. F., dan Kahn, R. L. “Interviewing”, Dalam Handbook of Social Psychology, Ed ke-2, Jil. 2, ed. Lindzey, R. dan Azronson, E., 552-564. Reading, MA: AddisonWesley, 1968.
- Dato’ Abdul Malik Abul Kassim(2018), Keputusan UPKK Pulau Pinang Terbaik. Diakses daripada <https://www.menara.my/keputusan-upkk-pulau-pinang-terbaik/>.
- Hairunnizam Wahid, et al.. (2009) *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*, kertas kerja dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,10-11 Februari 2009.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR. 4(1) 2010: 141-170 Hamka (1984).
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad and Radiah Abdul Kader (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati?* Jurnal Syariah. 17 (1), 89-112
- Hassan M.K & Khan J.M. (2007). *Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesb*. *Journal Of Economic Cooperation*. 28 (4), 1-38.
- INFRA (2017) *Apakah itu NBOs?* Diakses daripada <http://www.infra.gov.my/web/BM/arkib/berita-dan-peristiwa/439-apakah-itu-nbos.html> (diakses pada 26 Julai 2018).
- Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali. (2012). Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang- Undang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah. *Kajian Malaysia*, 30(1), 107–138
- Kim, W. Chan dan Mauborgne, Renee. (2005). *Blue Ocean Strategi*. Boston : Harvard. Deterjemahkan oleh : Serambi Ilmu Semesta. Jakarta.
- Laporan Pengurusan Zakat Pulau Pinang (2017), Zakat Pulau Pinang
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor (2008), Lembaga Zakat Selangor
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor (2008), Lembaga Zakat Selangor. www.e-zakat.com.my

- Lembaga Zakat Selangor, 2014. Jenis Agihan Zakat. Diakses daripada <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/>
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003). Pengurusan Zakat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2008). *Panduan Pengiraan Zakat*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mannan M.A. (2003). *Public Sector Management of Zakat* dalam: Hannan S.A (eds.). Zakat and Poverty Alleviation. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.
- Manual Pengurusan Agihan Zakat (2008), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Md Hairi Md Hussain (2012), *Ketelusan Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat*. Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia, anjuran Pusat Islam Universiti Utara Malaysia pada 25-27 November 2012.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif, 2018. *Sabah harap lebih ramai umat Islam sumbang bantuan* Diakses daripada: <http://www.bernama.com/state-news/beritabm.php?id=1574645> (diakses pada 26 Julai 2018).
- Muhammad Syukri Salleh (2006), *Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis*. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt) *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & perundangan*. Bangi: Penerbit universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munir Abd. Hamid (2012). *Gagasan Melahirkan Modal Insan Negara Maju*. Dewan Ekonomi. Rencana Utama. Bil. November 2012. Selangor. Dawama Sdn. Bhd.
- Nuurul Hidayah Mansor, S.Salahudin Hj Suyurno, Norajila Che Man (2014) *Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rif'at Abd Latif Masyhur (2002). Terjemahan Hj. Abu Mazaya al-Hafiz, *Zakat Penjana Ekonomi Islam (Al-Zakah – Al-Asas al-Syar'iy wa al-Tanmiy wa al-Tauzi'y)*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Sanep Ahmad, et al.(2005) *Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal*, Jurnal Ekonomi Malaysia 39, Vol. 53-69, 2005.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia*. *International Journal of Management Studies* 13(2), 175-196.
- Siti Martiah Anwar, Azman Ab Rahman, Nor Asiah Yaakub & Mohd Faez Abu Bakar. (2014). *Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf: Kajian Perbandingan Antara Negeri Sembilan Dan Negeri Selangor*. Universiti Sains Islam Malaysia
- Syukri Salleh (2006), "*Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis*", dalam Hailani dan Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Temu bual bersama Sahibus Samahah Datuk Seri Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pada 11 Februari 2019 bertempat di Jabatan Mufti Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) jam 3.00 petang.
- Temu bual bersama Tuan Mohd Rusdan Mohamad, Pegawai Kanan Zakat Pulau Pinang, pada 20 Februari 2018 bertempat di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda Seberang Perai, Pulau Pinang jam 2.10 petang.

Temu bual bersama Tuan Ruslan Harun, Ketua Bahagian Pendidikan Zakat Pulau Pinang, pada 20 Jun 2019 bertempat di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda Seberang Perai, Pulau Pinang jam 2.30 petang.

Utusan Malaysia, 28 April 2007

Wess. H. (2002). Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana. *Journal of Religion in Africa*. 32(1)

Yusuf Qardawi (1996). Terjemahan Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin, Hukum Zakat – Studi Komparatif Mengenai Status dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur'an dan Hadis (Fiqhuz Zakat), Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, cetakan keempat.

Zainal Abidin (2001) *Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan, dalam buku, Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif dalam Islam*, Nik Mustapha Nik Hassan (penyunting), Kuala Lumpur: IKIM, 2001.

Zainal Abidin Jafar. MAIWP memanfaatkan NBOS Diakses daripada: <http://www.utusan.com.my/mega/agama/maiwp-manfaatkan-nbos-1.182213>

Zakaria Bahri (2014), *Peranan Zakat Dalam Pendidikan Masyarakat Islam: Ulasan Kasus Zakat Pulau Pinang*. Media Syariah, Vol XV1 No 1 Jun 2014.

Zakaria Othman, (2017) MBAS dilantik ejen kutipan zakat. Diakses daripada: <https://www.zakatkedah.com.my/mbas-dilantik-ejen-kutipan-zakat/> (diakses pada 26 Julai 2018).